

PERSONALITI PILIHAN: PROF. DR. ALI YEON MD SHAKAFF

SEKALI pandang ke arah tetamu ruangan personaliti minggu ini, pasti anda akan menyatakan tiada apa-apa yang luar biasa yang boleh menarik perhatian anda untuk mengkaguminya apatah lagi apabila melihat wajah serius serta penampilannya yang sederhana.

Memang tidak dinafikan, perwatakannya kelihatan agak serius, tetapi andai didekati Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff sangat berbeza dengan tanggapan awal itu kerana lelaki ini sebenarnya mudah mesra dan selesa berbicara apa saja topik yang diajukan kepadanya terutama berkaitan hal ehwal akademik dan penyelidikan.

Jika anda mengenali beliau secara keseluruhan, pastinya akan terbit kekaguman dalam diri apatah lagi beliau bukan calang-calang lelaki. Berpengalaman luas dalam bidang pendidikan tinggi serta turut berpeluang menonjolkan bakat dan keistimewaan dalam hal ehwal pentadbiran sesebuah universiti.

Ternyata, bakat dan kebolehan yang ada pada diri beliau bukanlah perkara yang boleh dipandang remeh, jika tidak masakan beliau mampu untuk bergelar Timbalan Rektor pada usia 43 tahun seterusnya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor UniMAP pada usia 47 tahun.

Lebih membanggakan lagi, Prof Ali Yeon yang dilahirkan tanggal 10 Oktober 1959 ini turut diistilahkan sebagai "genius" di kalangan teman-teman sekerja memandangkan beliau terus melanjutkan pelajaran dalam bidang Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektronik di University of Newcastle Upon Tyne, England tanpa perlu melalui proses pendidikan peringkat Sarjana.



Bapa kepada lima cahaya mata ini memulakan kerjaya sebagai Jurutera Elektronik dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebaik tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda di University of Newcastle Upon Tyne, England pada tahun 1982 sebelum memilih untuk beralih ke kerjaya pendidikan di Universiti Sains Malaysia setahun kemudiannya.

Selepas menamatkan pengajian peringkat Doktor Falsafah, beliau terus berkhidmat di USM sebagai pensyarah sebelum dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Dekan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik pada tahun 1995 seterusnya menjadi dekan fakulti sama pada tahun 1997 sehingga tahun 2002.

Mengimbu "peralihan" Prof Ali Yeon USM ke UniMAP, beliau menjelaskan, segalanya bermula Sekitar tahun 2001 (ketika itu beliau menjawat jawatan Dekan Kejuruteraan Elektrik & Elektronik USM), beliau telah diminta oleh pihak

Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu menyediakan satu kertas cadangan bagi penubuhan sebuah universiti teknikal yang berfokus kepada bidang-bidang kejuruteraan.

Antara lainnya cadangan itu diharap dapat menyokong sektor industri elektronik di Malaysia dan akhirnya cadangan yang dikemukakan itu telah diterima oleh Kabinet dan seterusnya tertubuhlah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) di Perlis.

"Serentak dengan penubuhan KUKUM itu juga, pada 16 Februari 2002, Prof. Dr. Kamarudin Hussin (kini Brig. Jen. Dato' Prof Dr. Kamarudin Hussin) dilantik sebagai Rektor pertama dengan saya sebagai Timbalannya.

"Rektor kemudiannya membentuk kumpulan pengasas yang terdiri

daripada 20 orang kakitangan akademik dan sokongan yang dipinjam dari USM. Dengan kemasukan 120 pelajar pada Julai 2002, maka bermulalah sejarah KUKUM di bumi Perlis, dengan kampus pertamanya terletak di Kubang Gajah dan berpindahlah saya dari USM ke KUKUM (kini UniMAP).

Prof. Ali Yeon mengakui tidak pernah terfikir untuk menjawat jawatan tersebut apatah lagi beliau sememangnya seorang yang tidak meminati urusan pentadbiran, namun mengagap pemilihan beliau itu sebagai peluang untuk memperkembangkan potensi diri sekaligus menambah ilmu baru selain dari ilmu Kejuruteraan Elektrik / Elektronik.

Bagaimanapun, seperti kata pepatah, "Yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang" - begitu jugalah dengan usaha membangunkan KUKUM di awal penubuhannya.

Bagaimanapun, seperti kata pepatah, “Yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang” - begitu jugalah dengan usaha membangunkan KUKUM di awal penubuhannya.

Menurut Prof Ali, tempoh empat tahun pertama agak mencabar dan penuh dengan 'dugaan', apabila timbulnya pelbagai isu dan masalah yang perlu diatasi termasuklah struktur pentadbiran, peraturan akademik, pengambilan staf akademik, cadangan program-program baru, infrastruktur akademik, penjadualan kuliah/makmal, pengambilan pelajar, pergerakan pelajar dan sebagainya.

Tetapi, menurut beliau, dengan adanya bantuan dan kerjasama dari rakan-rakan yang berpengalaman dan komited, kesemuanya telah dapat diatasi, dengan sebaik mungkin. Selain itu, beliau turut bersyukur kerana mendapat sokongan yang padu daripada isteri, Zaidah Jaafar dan anak-anak.

“Sememangnya, agak 'kecoh' juga di peringkat awal sebab pada masa itu saya baru sahaja berpindah dari kampus Tronoh ke USM Nibong Tebal dan setahun selepas itu, terpaksa berpindah pula ke Perlis. Rumah kediaman di Ipoh juga terpaksa ditinggalkan, tetapi semua itu saya anggap sebagai pengorbanan,” ujar beliau.

Selain itu, Prof Ali Yeon juga menyifatkan tempoh-tempoh awal dalam bidang pentadbiran dan pengurusan agak menyukarkan beliau untuk membahagikan masa sebagai ketua keluarga, Timbalan Rektor / Timbalan Naib Canselor selain turut tidak mempunyai peluang yang banyak untuk melakukan aktiviti kesukaannya iaitu menembak.

“Pada awalnya, agak sukar untuk saya membahagikan masa sebab tugas TNC agak tidak menentu dari segi masanya dan kebiasaannya saya terpaksa 'outstation' hampir setiap minggu. Bagaimanapun, apabila ada ruang dan kesempatan, saya akan cuba untuk memanfaatkannya untuk bersama keluarga tersayang. “Dan saya juga akan cuba mencari ruang untuk melakukan aktiviti kesukaan saya di masa lapang iaitu menembak - tidak kisahlah sama ada di kelab menembak mahupun memburu.”

Saya juga mengambil kesempatan untuk memulihkan kesihatan yang semenjak 2 tahun yang lepas agak kurang baik.”

“Dari segi perancangan masa depan, sepanjang cuti sabbatical ini, saya akan menumpukan perhatian kepada penyelidikan sebab banyak yang perlu saya 'catch-up' setelah sekian lama di 'tinggalkan'. Insyallah, tahun depan saya akan kembali ke Pusat Pengajian untuk membantu anak-anak didik dengan pengajaran.”



Dan kini, selepas lebih tujuh tahun (tiga kali memperbaharui kontrak sebagai TNC), Prof Ali Yeon memilih untuk tidak lagi menyambung kontraknya untuk kali keempat yang tamat Mei lalu, sebaliknya ingin menumpukan sepenuh perhatian dalam bidang pengajaran sebagai Profesor (VK6) dan Pensyarah secara sepenuh masa.

“Saya bersyukur, semenjak 2 bulan kebelakangan ini, saya telah melalui suatu tempoh peralihan dan penyesuaian diri dengan baik dan agak tenang. Saya dapat meluangkan masa membantu rakan-rakan dan pelajar-pelajar di kluster penyelidikan 'Sensor Technology & Applications', disamping 'menjelajah' sekitar kampus UniMAP yang amat luas ini, untuk melihat keadaannya dari perspektif seorang pensyarah biasa.

Sambil menumpahkan ikrar dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada UniMAP, beliau turut meluahkan harapan agar semua pelajar dan alumni akan atau telah mendapat pengalaman dan ilmu yang secukupnya dari Universiti ini dan seterusnya berjaya dalam bidang kerja masing-masing.

“Alhamdulillah, setakat ini, hasrat asal kerajaan untuk mengeluarkan jurutera-jurutera mahir yang dapat membantu pembangunan industri Negara sudah mula tercapai. Saya juga mendoakan agar UniMAP akan terus berkembang (dalam semua aspek) dan dapat bersaing dengan mana-mana Universiti di rantau ini. Saya juga yakin dan percaya TNC yang baru nanti akan dapat membantu mempertingkatkan lagi perkembangan akademik Universiti ini.”

(Oleh : Suhana Abdul Mutalib (suhana@unimap.edu.my))

